

SOROTAN KEWANGAN DAN PRESTASI UTAMA

Pada tahun 2025, Khazanah menghasilkan keputusan prestasi kewangan dan strategik yang berdaya tahan dalam ketidaktentuan global yang kian meningkat, disokong oleh pengurusan portfolio berdisiplin dan pelaksanaan berterusan melalui strategi Memajukan Malaysia.

Aset bersih Keseluruhan Portfolio meningkat daripada RM104 bilion pada tahun 2024 kepada RM105 bilion, manakala jumlah aset bertambah sebanyak RM5 bilion kepada RM156 bilion. Sejak tahun 2004, aset bersih Khazanah telah melonjak daripada RM33 bilion kepada RM105 bilion, mewakili pertumbuhan tahunan sebanyak 6.2%, termasuk dividen dan aliran tunai bersih.

Portfolio Pelaburan, yang merupakan tonggak utama kepada pulangan kewangan Khazanah, telah meningkat daripada RM93 bilion pada tahun 2024 kepada RM95 bilion pada tahun 2025. Ia mencatatkan pulangan sebanyak 5.2% bagi tahun tersebut, manakala kadar pertumbuhan tahunan terkompoun bagi tempoh tujuh tahun sejak 2019 berada pada kadar 6.1%, mencerminkan keupayaan portfolio untuk menjana pulangan merentasi kitaran pasaran serta sejajar dengan mandat dan selera risiko kami.

Selain itu, Khazanah turut mencatatkan keuntungan daripada operasi sebanyak RM5.6 bilion, berbanding dengan RM5.1 bilion pada tahun 2024.

Sebanyak RM2 bilion dividen diisytiharkan untuk Kerajaan Malaysia, menjadikan dividen kumulatif yang telah dibayar sejak tahun 2004 kepada RM21.1 bilion. Jumlah pulangan kepada pemegang saham sejak 2004 pula mencecah RM93.1 bilion.

Jumlah Aset



RM156 bilion
(2024: RM151 bilion)

Pulangan pusingan
7-tahun



6.1 %

Perlindungan Nilai Aset
Boleh Tunai berada pada



3.1 x
(2024: 3.2x)

Aset bersih Keseluruhan
Portfolio kami meningkat
kepada



RM105 bilion
(2024: RM104 bilion)

Pulangan daripada
Nilai Aset Bersih (NAV)
Portfolio Pelaburan 2025



5.2 %

Khazanah mencatatkan
keuntungan sebanyak



RM5.6 bilion
(2024: RM5.1 bilion)

Pengagihan



RM2 bilion
dividen kepada Kerajaan Malaysia

SOROTAN KEWANGAN DAN PRESTASI UTAMA

Penyata Pendapatan (RM juta)

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2025

	2025	2024	2023	2022	2021
Hasil	6,620	6,978	7,812	8,017	5,353
Keuntungan daripada operasi	5,640	5,090	5,890	1,630	670
Pencukaian	(567)	(335)	61	(156)	(226)
Untung bersih bagi tahun	5,073	4,755	5,951	1,474	444
Dividen diisytihar:					
- Dividen biasa	(1,000)	(1,000)	(1,000)	(500)	(2,000)
- Dividen khas	(1,000)	-	-	-	-
Keuntungan/(kerugian) bersih bagi tahun selepas dividen	3,073	3,755	4,951	974	(1,556)

Penyata Imbangan (RM juta)

Setakat 31 Disember

	2025	2024	2023	2022	2021
Jumlah aset	98,229	94,317	93,924	86,819	84,822
Jumlah liabiliti [Nota A]	51,751	48,629	51,187	50,101	49,504
Aset bersih	46,478	45,688	42,737	36,718	35,318
Modal Saham	12,816	12,816	12,284	12,284	12,284
Keuntungan tertahan	27,714	24,640	21,044	16,093	15,119
Rizab lain	5,948	8,232	9,409	8,341	7,915
Dana pemegang saham	46,478	45,688	42,737	36,718	35,318

SOROTAN KEWANGAN DAN PRESTASI UTAMA

Nota A: Termasuk dalam jumlah liabiliti ialah pinjaman seperti berikut:

Pinjaman (RM juta)

Setakat 31 Disember 2025

	2025	2024	2023	2022	2021
Bon jaminan Kerajaan Khazanah	1,680	1,616	4,009	5,767	7,943
Bon dan nota lain	39,632	39,260	35,271	30,188	29,826
Pinjaman berjangka	-	3,396	6,150	5,985	5,802
Bon boleh tukar	2,034	-	-	1,015	3,283
Kemudahan kredit pusingan	7,356	3,429	4,808	6,189	1,624
	50,702	47,701	50,238	49,144	48,478

¹ Penyata pendapatan dan kunci penyataimbangan ini diperoleh daripada Penyata Kewangan Syarikat Proforma Khazanah, yang merujuk kepada penyata kewangan Khazanah (Syarikat) yang disatukan dan Syarikat Tujuan Khasnya (SPV). SPV merupakan anak syarikat milik penuh Khazanah, yang ditubuhkan untuk pemegangan pelaburan secara aktif atau sebagai instrumen pendanaan Syarikat.

² Hasil termasuk perolehan penyahlaburan daripada pelaburan dikelaskan sebagai nilai saksama melalui pendapatan komprehensif yang dikitar semula kepada perolehan tertahan semasa pelupusan.

³ Keuntungan daripada operasi terdiri daripada keuntungan sebelum cukai, keuntungan pelupusan terealisasi, serta pengurangan nilai kekal aset yang dikelaskan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain, yang kemudiannya dikitar semula kepada pendapatan tertahan.



IMBAS SINI
untuk melihat
Sorotan
Kewangan
Penuh 2025